

**INTIPATI-INTIPATI UCAPAN KOMANDAN ATMA SEMPENA PERBARISAN
KOMANDAN PADA 14 NOV 2005**

1. Bersempena musim perayaan pada kali ini Komandan ATMA telah menyentuh budaya saling maaf bermaafan antara satu sama lain. Di samping itu juga Yang Berbahagia Dato' Komandan amat berharap segala permasalahan kekeluargaan di kalangan anggota dapat diselesaikan untuk kebaikan bersama.
2. Dalam menuju pengiktirafan ISO 9001:2000 Yang Berbahagia Komandan amat berharap perkembangan yang baik dan kerjasama semua lapisan anggota.
3. Sempena peperiksaan yang sedang dijalankan pada kali ini Yang Berbahagia Komandan telah mengambil kesempatan memberi nasihat kepada semua pegawai kadet siswa agar berusaha bersungguh-sungguh. Beliau menegaskan bahawa kejayaan yang dikehendaki adalah atas kesungguhan diri sendiri dan tidak meletakkan beban kepada Naib Canselor.
4. Pada pertengahan bulan Disember ini Komandan telah menyentuh berkenaan Perbarisan Diraja yang akan diadakan. Beliau telah memaklumkan bahawa perbarisan diraja pegawai kadet ATMA adalah yang terbaik. Oleh yang demikian, Yang Berbahagia Dato mahukan pencapaian tersebut dikekalkan. Komandan ATMA telah menegaskan bahawa pencapaian ini akan dikehendaki jika jurulatih memainkan peranan penting dan memberi tunjuk ajar yang mantap.
5. Komandan ATMA telah melahirkan dukacita kerana masih terdapat kejadian kecurian di kalangan anggota ATMA. Beliau telah menegaskan sekiranya mahukan perkara ini tidak berlaku lagi, ia memerlukan kerjasama dari semua pihak. Komandan ATMA menegaskan masih terdapat di kalangan anggota ATMA menjaga kepentingan diri sendiri seperti tidak melaporkan kepada pihak yang sepatutnya jika mengetahui kecurian berlaku.
6. Yang Berbahagia Komandan telah menyentuh isu semasa mengenai kenaikan kos bahan mentah. Oleh yang demikian, Komandan telah berkenan untuk menjayakan kempen budaya amalkan jimat cermat.